

# Tanaman padi tidak memerlukan takungan air



**MUHAMMAD  
NAZMIN**

PENANAMAN padi di sawah yang ditakungi air merupakan kaedah yang digunakan sejak dahulu lagi.

Disebabkan itu, tidak hairanlah jika proses tersebut hanya dilakukan di kawasan perkampungan memandangkan ia bukan sahaja luas dan strategik, malah turut mempunyai sistem pengairan yang baik.

Bagaimanapun, menurut Pensyarah Kanan Jabatan Sains Tanaman Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia,

Dr. Muhammad Nazmin Yaapar, padi sebenarnya boleh ditanam di mana-mana sahaja. Lebih-lebih lagi pada zaman yang dilengkapi dengan pelbagai teknologi moden.

“Sebenarnya, padi merupakan tumbuhan separa akuatik. Ia tidak semestinya memerlukan kawasan yang ditakungi air untuk padi hidup seperti yang dilihat di sawah padi konvensional.

“Sebaliknya, ia boleh ditanam di atas permukaan tanah biasa seperti tanaman-

tanaman lain. Biarpun begitu, tanah tersebut perlu mengandungi kandungan lempung atau tanah liat yang tinggi.

“Ini kerana, kewujudan tanah liat berfungsi untuk menampung air dan seterusnya membantu penyerapan dalam padi untuk membesar,” jelasnya.

Tambah Muhammad Nazmin lagi, bukan sahaja ditanam di atas tanah seperti tanaman biasa, padi juga berkemungkinan boleh ditanam di dalam bangunan pada masa hadapan.